

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **20.03.2014**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambatkan (peg) Ringgit Malaysia (RM) dengan mata wang negara asing untuk mencegah nilai RM daripada jatuh. Nyatakan kejatuhan nilai RM pada tahap apakah yang Kerajaan akan menambatnya dengan mata wang asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia tidak berhasrat untuk menambat ringgit kepada

mana-mana mata wang. Ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Pendirian ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan kita yang pelbagai.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem apungan terurus telah banyak membantu ekonomi negara dalam menyeimbangkan antara kestabilan dan fleksibiliti. Nilai ringgit yang fleksibel adalah penting sebagai penyerap kejutan bagi ekonomi Malaysia. Semasa terdapatnya perkembangan luar biasa dalam pasaran kewangan global pada tahun 2008, ringgit menyusut nilai seiring dengan mata wang serantau yang lain. Pada permulaan program pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing*) pertama oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (US *Federal Reserve*), ringgit menambah nilai berbanding dolar AS, sejajar dengan mata wang serantau. Berikutnya laporan mengenai kemungkinan pengurangan program pelonggaran kuantitatif di Amerika Syarikat, ringgit kemudiannya menyusut nilai sejajar dengan trend mata wang serantau.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memantau pergerakan nilai ringgit serta pentingnya kestabilan kadar pertukaran asing untuk menggalakkan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Keadaan yang stabil ini memberi ruang untuk pengeksport dan para peniaga membuat pelarasan berikutan sebarang perubahan dalam persekitaran perniagaan. Oleh itu, dalam mewujudkan suasana yang lebih tetap untuk membuat sebarang keputusan, BNM akan memastikan agar pergerakan naik turun kadar pertukaran ringgit tidak terlalu ketara.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, perlu diambil kira bahawa nilai ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran lazimnya akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, dalam jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit lebih ke arah mencerminkan asas-asas ekonomi negara. Memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran

pertukaran asing kekal teratur.

5. Dalam pada itu, pasaran pertukaran asing ringgit yang lebih mendalam dan langkah liberalisasi akaun kewangan untuk memudahkan (*facilitate*) urusan pasaran membolehkan pemadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik. Ia juga telah menyediakan ruang untuk perlindungan nilai (*hedging*) terhadap risiko kadar pertukaran. Sehubungan ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menambat ringgit kepada mana-mana mata wang.